

# Pintu masuk negara belum dibuka

BH - 11/10/2021 m/s: 2

## Hasil kajian benar kemasukan pelancong asing diumumkan tempoh terdekat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pintu masuk negara masih belum dibuka untuk kemasukan pelancongan asing walaupun rakyat negara ini dibenarkan melancong ke luar negara, mulai hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kajian mengenai kemasukan pelancong asing sedang berjalan dan

hasilnya akan diumumkan dalam tempoh terdekat.

“Saya dapat makluman daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), kita buka kepada semua negara (pergerakan rakyat untuk melancong), tetapi kita masih belum membuka negara kita untuk pelancong asing setakat ini,” katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pintu sempadan negara masih ditutup untuk pelancong asing buat masa ini kecuali atas urusan rasmi, kecemasan dan perniagaan.

Beliau berkata, KKM sedang menilai negara yang tidak berisiko langsung untuk dibenarkan masuk ke Malaysia.

“Jika masih ingat, dahulu kita pernah cadangkan gelembung perjalanan hijau, ada tujuh ne-

gara, tetapi kita tidak teruskan sebab ketika itu ada peningkatan kes di negara berkenaan dan negara kita.

“Sekarang, hampir di seluruh dunia dapat memberikan vaksin kepada rakyat mereka dan perkembangan ini akan menjadi pertimbangan kepada KKM untuk membuka sempadan negara kita,” katanya.

Mengulas kebenaran ke luar negara, Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini boleh melakukan perjalanan ke luar negara, termasuk untuk melancong tanpa melalui MyTravelPass Jabatan Imigresen.

Namun, beliau berkata, setiap individu perlu memenuhi syarat iaitu lengkap vaksinasi COVID-19, melakukan saringan tiga hari sebelum pulang ke tanah air dan sebaik tiba di pintu masuk negara serta menjalani kuaran-



Ismail Sabri pada sidang media mengumumkan kebenaran rentas negeri di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

tin wajib 14 hari setiba di tanah air.

Ismail Sabri berkata, keputusan memansuhkan MyTravelPass itu antara lain adalah un-

tuk menghubungkan ahli keluarga dan pasangan yang terpisah serta dan membolehkan rakyat yang ingin ke luar negara bagi tujuan kerja serta perniagaan.